

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 MAC 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Jamin Kerja Keluarga Malaysia di landasan tepat



ORANG ramai hadir melakukan pendaftaran untuk mendapatkan pekerjaan dalam program inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (DKCC) bulan lalu. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@medanulita.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 42,966 pencari kerja ditempatkan di pelbagai sektor selain 1,200 pekerjaan baharu berjaya diwujudkan sepanjang Januari tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kejayaan itu membuktikan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia berada di landasan yang tepat bagi mencapai sasaran penciptaan 600,000 pekerjaan pada tahun ini.

Selain itu latarnya, ia selagi gus menandakan ekonomi negara kini semakin pulih dengan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan sosial.

"Pada tahun ini, kerajaan dengan kerjasama bersepadu pelbagai kementerian, agensi pelaksana dan sektor swasta berjaya menempatkan 558,633 pekerjaan. Pencapaian ini adalah 112 peratus lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan dan kerajaan yakin kejayaan ini boleh diulang dengan sasaran yang lebih tinggi bagi tahun ini."

"Di samping itu, Majlis Pekerjaan Negara (NEC) juga meneliti dan membincangkan strategi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sistem kuota dan Multi-tier Levy (MTL) merupakan langkah yang boleh diambil dalam menangani isu ini dan selongkar daripada pihak majlis juga perlu bagi mengimbangi aspek kekurangan tenaga kerja pasca pandemik," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu Majlis Pekerjaan Negara mengadakan mesyuarat bagi membincangkan program dan inisiatif yang telah dan akan dijalankan oleh agensi pelaksana

Jamin Kerja Keluarga Malaysia di landasan tepat



ISMAIL Sabri Yaakob hadir mesyuarat Majlis Pekerjaan Negara (NEC) di Bangunan Parlimen, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

untuk mencipta peluang pekerjaan bagi Keluarga Malaysia.

Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia mempunyai tiga komponen utama iaitu inisiatif Penggajian Jamin Kerja, Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran serta Malaysia Short Term Employment Programme (MYSTEP).

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Majlis Pekerjaan Negara bersejajar dengan penetapan sasaran sejumlah 300,000

penempatan pekerjaan di bawah inisiatif Penggajian Jamin Kerja, 220,000 di bawah Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran, dan 80,000 di bawah MYSTEP.

Menurutnya, pencapaian sasaran itu akan disokong oleh lima Pasukan Putus-gas rihah (SFR) yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing.

"Kementerian Sumber Manusia telah dirangka merangka strategi yang khusus bertujuan

meningkatkan lagi peluang pekerjaan bagi golongan belia.

"Langkah ini penting kerana kadar pengangguran dalam golongan berkenaan berada pada tahap 80.3 peratus," katanya.

Ismail Sabri dalam mata yang sama berkata, kerajaan turut mengulangi pendirian mengenai usaha pendedahan awal pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar Tingkatan 1, untuk membantu pelajar membuat

pilihan berdasarkan kecenderungan minat mereka.

"Bagi tujuan ini, kempen promosi dan penjenamaan semula TVET akan dilakukan secara komprehensif bag menghapiskan persepsi yang mengatakan TVET adalah pendidikan kelas kedua.

"Sebaliknya, TVET akan diperkatakan agar ia menjadi kerjaya pilihan seperti negara maju," jelasnya.

Dalam pada itu, kerajaan juga akan menambah baik dan memperkasa ekosistem pekerjaan melalui mewujudkan Pusat Penempatan Pekerjaan semesti yang akan memantau kejayaan setiap permohonan pekerjaan.

"Ia merupakan pelengkap bagi platform MyFutureJobs yang memudahkan majikan menawarkan pekerjaan dan pada masa yang sama membantu pencari kerja untuk membuat pendaftaran dan mendapatkan tarikh temu duga.

"Kerajaan yakin strategi NEC dapat meneruskan momentum pemulihan ekonomi negara, meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan serta mengurangkan kadar pengangguran. Selain itu, kerajaan memandang serius isu-isu berkaitan seperti kekurangan pekerja dalam sektor tertentu, keseksamaan peluang pekerjaan, perlindungan sosial bagi pekerja dan isu kebolehpasaran graduan," katanya.